

INSKEP BMI CHALLENGE (IBC)



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4620-inskep-bmi-challenge-ibc



TANJUNG BUNGAH, 4 Mac 19 - Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) telah mengadakan Program 'INSKEP BMI Challenge' (IBC) yang dijalankan selama 2 bulan mulai hari ini sehingga 30 April 19.

Objektif utama program ini dilaksanakan untuk membantu anggota mencapai tahap BMI unggul yang menjadi syarat utama bagi kenaikan pangkat dan pengesahan jawatan dalam perkhidmatan.



Program ini juga bertujuan untuk menggalakkan anggota mengamalkan gaya hidup sihat dari segi pemakanan dan aktiviti beriadah. Selain itu, ceramah motivasi BMI, sesi bergambar dan pelepasan larian 5km ke Pearl Hill juga diadakan pada hari tersebut.

Turut hadir Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM bersama 20 anggota INSKEP yang mempunyai masalah BMI. Program yang diselaraskan oleh Pegawai Sukan INSKEP, Lt Muhamad Syazwan bin Ahmad TUDM dibantu oleh tiga anggota dari Cawang Jasmani INSKEP.